



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
جَبَاتُ هَالِ اِهْوَالِ اِغَامَا اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

14 SYAWAL 1444H / 05 MEI 2023M

PEKERJA IKHLAS TINGKAT PRESTASI, PRODUKTIVITI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 02/05/23

PEGAWAJ PENYEMAK :

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 03/05/2023

DIBACA PADA : 05/05/2023

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN HJ. ALWI
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

PEKERJA IKHLAS TINGKAT PRESTASI, PRODUKTIVITI

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿٢﴾ (سورة الزمر (39): 2)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Marilah kita semua bertakwa kepada Allah SWT, dalam erti kata melaksanakan segala perkara yang disuruh dan menjauhi segala yang dilarang-Nya. Sesiapa yang bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa nescaya Allah SWT akan mengadakan baginya jalan keluar dari segala perkara yang menyusahkannya serta memberinya rezeki dari sumber yang tidak terlintas dalam benak fikirannya.

Bersempena dengan Hari Pekerja yang disambut pada 1 Mei setiap tahun, mimbar pada hari ini menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“PEKERJA IKHLAS TINGKAT PRESTASI, PRODUKTIVITI”**.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Sesungguhnya Islam ialah satu cara hidup yang lengkap dan syumul, diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai panduan kepada kesejahteraan hidup duniawi juga ukhrawi. Maka setiap gerak-geri, perbuatan, amalan dan fikiran kita dikehendaki supaya berlandaskan kepada ajaran Islam yang bernilai ibadat. Bermula dari bangun tidur pada sebelah pagi sehinggalah waktu tidur semula pada malamnya.

Maknanya seluruh kehidupan kita perlulah berorientasikan ibadah kepada Allah SWT. Ia tidak terbatas hanya kepada ibadah khusus semata-mata seperti solat lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan sebagainya, bahkan berkerja mencari rezeki juga merupakan suatu ibadah.

Pekerjaan merujuk kepada sesuatu yang dilakukan sebagai tanggungjawab dalam segala urusan yang halal. Pekerjaan juga ditakrifkan sebagai kerjaya atau profesion yang diceburi seseorang bagi memperolehi imbuhan atau gaji bagi tujuan keperluan hidup. Seseorang ketua keluarga bertanggungjawab untuk menyara hidup diri dan keluarganya. Andai kata tanggungjawab tersebut tidak dilakukan, maka individu itu dikatakan tidak melaksanakan tanggungjawabnya ke atas mereka yang berada di bawah tanggungannya. Allah SWT berfirman :

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ

تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”* (QS. an-Nisaa (4):58)

JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA!

Bekerja bukan sekadar memenuhi keperluan untuk belanja mengisi perut semata-mata. Bahkan pekerjaan bertujuan memelihara harga diri dan martabat kemanusiaan yang semestinya dipertahankan. Sebab itu, perkara penting dalam apa jua pekerjaan mencari rezeki bukannya berapa banyak yang kita peroleh, akan tetapi ada atau tiada keberkatan di dalam rezeki yang diperolehi itu. Keberkatan rezeki yang diinginkan dalam Islam adalah rezeki yang bertambah dan mengandungi manfaat di dalamnya.

Rezeki yang berkat bukan sekadar merujuk kepada jenis pekerjaan yang dilakukan atau diceburi, namun ciri utama pekerjaan dan rezeki yang beroleh keberkatan serta bernilai ibadah adalah dengan niat. Niat pula merupakan soal hati yang hanya diketahui oleh diri kita dan Allah SWT. Jika sesuatu pekerjaan atau arahan kerja dilakukan dengan niat yang ikhlas, insya-Allah pekerjaan kita itu akan diterima sebagai satu ibadah dan seterusnya akan diberi ganjaran yang sewajarnya oleh Allah SWT.

Dengan kata lain, jika kita berkerja hanya untuk mendapatkan wang, maka wang sajalah yang kita perolehi. Jika kita berkerja untuk mendapat pujian, maka pujian sajalah yang akan kita kecapai. Tetapi jika kita berkerja dengan

ikhlas, berkemungkinan kita akan menikmati pelbagai habuan istimewa di dunia dan ganjaran pahala di akhirat nanti. Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ

وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".*

(QS. at-Taubah (9):105)

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!

Islam meletakkan sifat ikhlas sebagai prasyarat utama dalam mentransformasi pekerja yang berprestasi tinggi, berkualiti dan produktif. Seseorang yang ikhlas bekerja, bukan untuk mendapat sanjungan orang, bukan juga kerana takut dikenakan tindakan disiplin atau diperlekeh oleh orang lain. Seseorang yang ikhlas dalam melaksanakan semua tugas yang diamanahkan, hendaklah bermatlamatkan ingin memperolehi keredaan Allah SWT dan takutkan azab-Nya. Banyak ayat al-Quran yang menyarankan kita supaya bersifat ikhlas. Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar, ayat 2:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran ini kepadamu (wahai Muhammad) dengan membawa kebenaran; oleh itu hendaklah engkau menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat dan bawaanmu kepadaNya..”

(QS. az-Zumar (39): 2)

Firman Allah lagi:

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Katakanlah lagi (wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat kepadaNya;”

(QS. az-Zumar (39): 11)

Jelas di sini, bersifat ikhlas dalam apa jua amal ibadat yang dilakukan adalah perintah Allah SWT, maka Rasulullah SAW memperingatkan bahawa Allah tidak akan menerima amal ibadat yang dikerjakan dengan tidak ikhlas. Peringatan ini Baginda sampaikan melalui sabdanya yang **bermaksud:**

“Sesungguhnya Allah Taala tidak menerima mana-mana amalan kecuali amalan yang ikhlas yang dilakukan semata-mata kerana-Nya.”

(HR. an-Nasa'i dari Abi Umamah)

HADIRIN JAMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Selain sifat ikhlas, Islam juga menekankan aspek usaha berterusan meningkatkan kualiti ibadah dan pekerjaan yang dilakukan. Penekanan terhadap aspek ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya yang **bermaksud:**

“Sesungguhnya Allah sangat suka jika seseorang daripada kamu, melakukan kerja, maka dia bekerja dengan tekun.”

(HR. al-Baihaqi)

Berdasarkan kepada nas-nas berkenaan, dapat disimpulkan bahawa seseorang yang ikhlas bekerja akan berusaha sedaya upaya melakukan yang terbaik kerana dia bekerja bukan kerana motif kehidupan dunia, tetapi semata-mata mengharapkan reda dan ganjaran dari Allah SWT. Kalau demikian sifat serta budaya kerja setiap pekerja di semua peringkat, insya Allah prestasi dan produktiviti organisasi akan meningkat sekali gus menaikkan imej pekerja dan organisasi.

Justeru perbaikilah kualiti setiap pekerjaan dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Hindarilah diri daripada melakukan sesuatu itu kerana didorong ingin menunjuk-nunjuk kepada manusia. Melakukan sesuatu kerana mengharapkan pujian serta sanjungan daripada manusia merupakan penyakit batin yang memusnahkan amal ibadat dan kebajikan manusia. Penyakit batin inilah juga yang menjerumuskan manusia ke dalam syirik khafi atau syirik halus yang mengundang dosa. Hayatilah firman Allah:

❖ وَمَنْ يُسَلِّمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ

عَقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: "Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan."

(QS. Luqman (31): 22)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فَاذُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوعْ وَفَخَامَةَ الرَّيِّيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.